



ANUGERAH ... Shariff Abdul Kadir (tengah) menyampaikan Anugerah Emas kategori penyelidikan kepada Dr. Annita Yong Seok Kian dari Institut Penyelidikan Marin Borneo.

241 projek penyelidikan dan inovasi dipertandingkan dalam PEREKA UMS 2014

NST. 29.10.2014 2

KOTA KINABALU: Sebanyak 241 projek yang terdiri daripada 164 kategori penyelidikan dan 77 kategori inovasi dipertandingkan dalam Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) Universiti Malaysia Sabah tahun ini.

Daripada jumlah itu sebanyak 32 projek memenangi pingat emas iaitu 17 emas bagi kategori penyelidikan dan 15 (inovasi), 67 memenangi pingat perak (45 projek penyelidikan dan 22 projek inovasi) dan 105 memenangi pingat gangsa (88 penyelidikan dan 17 inovasi).

Pada tahun ini Anugerah Khas yang diperkenalkan ialah Anugerah Penyelidikan atau Inovasi Eco Campus sebagai pemangkin kepada penyelidik untuk terus berusaha menghasilkan penyelidikan atau inovasi Eco Campus selaras dengan usaha UMS ke arah mendapatkan status Eco Campus menjelang tahun 2018.

Anugerah khas Eco Campus itu dimenangi oleh Dr.Collin G.Joseph.

Kesemua anugerah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UMS Prof Dr.Shariff Abdul Kadir b. Shariff Omang Al-Haj, pada majlis PEREKA 2014, di Dewan Kuliah Pusat UMS, di sini, kelmarin.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof.Dr.Shahril Yusof berkata, PEREKA adalah program tahunan UMS yang dianjurkan sejak tahun 2008.

"Melalui pertandingan ini kita berharap dapat mencungkil hasil penyelidikan dan inovasi para penyelidik UMS yang mempunyai impak signifikan ke arah pembangunan sosio-ekonomi negara.

"Penyelidikan dan rekacipta yang memenangi anugerah ini akan dipilih untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Teks ucapannya disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof.Dr.Felix Tongkul. – **OLEH MARRYAN RAZAN**